

**SOALAN NO: 27**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY  
[KAPAR]**

**TARIKH : 16 JUN 2015**

**SOALAN :**

**YB Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-**

- (a) apakah perkembangan dan status terkini pembinaan hospital di Parlimen Kapar setelah lokasi tanah telah dimaklumkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Adakah tarikh-tarikh cadangan pembinaan Hospital di Parlimen Kapar telah dikemaskinikan; dan
- (b) apakah perkembangan dan status terkini mengenai proses penambahbaikan Klinik Kesihatan Kapar Baru yang akan mengantikan Klinik Kesihatan Lama di bawah RP3, RMK-10. Apakah perkembangan secara terperinci yang telah berlaku dalam tempoh masa 1 Januari 2015 sehingga 15 Mei 2015.

**Tuan Yang di-Pertua,**

- a) Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor melalui suratnya yang bertarikh 12 Januari 2015 telah memaklumkan bahawa, Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri Selangor Bil. 5/2014 telah memutuskan supaya pihak Sime Darby menyediakan tapak tanah seluas 50 ekar di Mukim Kapar, Daerah Klang bagi tujuan pembinaan Hospital Kapar, Klang. Pihak Sime Darby belum membuat serahan tapak kepada Kerajaan Negeri Selangor. Selepas serahan tapak tersebut, barulah proses pemberi milikan tanah boleh dibuat. Pihak KKM hanya akan dapat megemukakan permohonan bagi projek ini selepas proses pemberi milikan tanah tersebut selesai. Cadangan adalah untuk membina hospital pakar berkapasiti 300 katil; dan
- b) Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor merupakan agensi pelaksana bagi projek Klinik Kesihatan Kapar Baru. Sehingga bulan April 2015, kerja-kerja kaji selidik (survey) telah siap. Arkitek JKR sedang dalam proses menyediakan Pelan Tapak mengikut pelan pemetaan tersebut. Tender projek ini dijangka diklankan pada bulan Oktober 2015 dan Surat Setuju Terima (SST) dijangka dikeluarkan pada Mac 2016.